



Utama > News > Pandangan

 Share |    
[Program Langganan Sukarela](#)
 Like Confirm

 Cetak  Kongsi Saiz Teks:   

AWER: Cadangan penswastan Indah Water melangar Akta Industri Perkhidmatan Air 2006

Piarapakaran.S | Sep 11, 2011 01:09:15 pm

Pandangan

Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) membantah cadangan penswastan Indah Water Consortium (IWK) oleh 1MDB (1 Malaysia Development Berhad) kerana ia memudaratkan keadilan sosial dan ekonomi serta tidak sehaluan dengan undang-undang di Malaysia.

Perkhidmatan air dibahagikan kepada perawatan air, bekalan air dan perkhidmatan pembentungan. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA) adalah undang-undang yang mengawalselia semua perkhidmatan air dari segi teknikal, ekonomi dan kualiti perkhidmatan bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Undang-undang ini mula dikuatkuasakan pada tahun 2008.

Objektif utama WSIA adalah untuk mengelakkan SEBARANG JENIS PERJANJIAN KONSESI serta operator-operator perkhidmatan air dan perkhidmatan pembentungan dikehendaki untuk bermigrasi ke rejim pelesenan di mana mereka akan dipantau dengan ketat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Undang-undang ini ingin juga mencapai imbangan di antara keperluan ekonomi dan sosial dalam pengurusan perkhidmatan air supaya ia mempunyai kos yang berpatutan dan setaraf dengan standard antarabangsa. Ini akan memastikan penetapan tarif yang SAKSAMA dan pengurusan yang TELUS untuk keseluruhan perkhidmatan air.

Berdasarkan beberapa laporan akhbar tempatan, 1MDB dengan beberapa ahli perniagaan yang tidak bertanggungjawab yang berada di sebalik perancangan ini telah mengelirukan rakyat dan melangar WSIA.

Penyelesaian-penyelesaian yang dikatakan oleh kumpulan ini adalah sama dengan langkah-langkah yang telahpun dicadangkan oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dan masih menanti persetujuan Kerajaan Persekutuan sejak beberapa tahun yang lalu. Cadangan-cadangan ini bukanlah sesuatu yang baru. Pengurusan IWK sekarang tersepit disebabkan KEGAGALAN PENSWASTAAN sebelum ini. Maka, penswastan semula menggunakan konsesi seperti yang dicadangkan oleh 1MDB merupakan satu penyelesaian yang salah dan tidak mempunyai ruang di sisi undang-undang selepas WSIA dikuatkuasakan sejak tahun 2008.

Kini, SPAN telahpun menghentikan IWK daripada monopoli penyahenapan kumbahan (*desludging*) bagi sistem pembentungan tidak bersambung dan membuka lesen kepada syarikat-syarikat yang lain. Bagi sistem pembentungan bersambung (yang dibil oleh IWK atau Kerajaan Tempatan), terdapat beberapa rancangan untuk pembangunan sama seperti sektor perawatan dan bekalan air. Hala tuju untuk perkhidmatan pembentungan adalah juga melalui rejim pelesenan. TIADA LAGI PERJANJIAN KONSESI.



Terkini

- [NGO berkhidmat untuk Rakyat Malaysia](#)
- [AWER: Cadangan penswastan Indah Water melangar Akta Industri Perkhidmatan Air 2006](#)
- [Cukai perkhidmatan 6%: Golongan muda terus dibebankan](#)
- [Komunis memaksa penjajah British berunding dengan Tunku](#)
- [PAS cabar Muhyiddin debat: Siapa pejuang sebenar kemerdekaan negara](#)
- [Melangkah menuju ke arah peningkatan promosi dan perlindungan hak asasi manusia](#)
- [Mat Indera: Hegemoni UMNO semakin tercabar](#)
- [FREEDOM FILM FEST kembali lagi!](#)
- [Suhazain: Kalau Mat Indera pengkhianat, bagaimana dengan Tok Janggut?](#)
- [Pemberian Tauliah: Jangan sampai ditertawakan](#)

Antara yang terhambat

- [1Malaysia email: Tricubes Berhad dimiliki secara tidak langsung adik Najib](#)
- [Pembelian kapal selam: Bala dipanggil Polis Perancis](#)
- [Risalah Merah? Tangkap!](#)
- [Seandainya Setiausaha Agung keluar parti dengan maklumat sulit...](#)
- [Malaysian Maverick: "Buku dalam tahanan" laris di Singapura](#)
- [Catatan 709: Propaganda murahan tidak laku](#)
- [Pertembungan fizikal berdarah di UPM](#)
- [Sime Darby=Renong II? MEB bakal ulangi kegagalan zaman Mahathir](#)
- [Bekas TUDM dakwa dipenjarakan kerana adu kesalahan pegawai atasan](#)
- [Anwar kehilangan detik saat terbaik selepas kegagalan rancangan 16 September?](#)

Galeri Gambar

[Selanjutnya](#)

709 Bersih 2


 Merdeka Review BM
Fans Club on Facebook


Confirm

 You like
Page · 1r
You like



Jika mana-mana pihak berkuasa meluluskan cadangan 1MDB ini, AWER tidak akan teragak-agak untuk mengheret mereka ke mahkamah. Berhenti menggunakan cara-cara jahil untuk mendapatkan perniagaan. Apa-apa pelaksanaan yang tidak sehaluan dengan WSIA adalah satu kesalahan.

*Kenyataan media oleh Piarapakan.S (gambar kiri) selaku Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER).

JOIN US AT:



Merdeka Review BM Fans Club

on Facebook



You like this. · Admin

sebelumnya:

[Cukai perkhidmatan 6%: Golongan muda terus dibebankan](#)

seterusnya:

[NGO berkhidmat untuk Rakyat Malaysia](#)



Admax supports Eco-Living

Click here for 10 easy things you can do today to go green!



Admax supports Eco-Living

Click here for 10 easy things you can do today to go green!



[CARI Diy Day Banner](#)

[Advertise here \(RM10/day \)](#)

[Advertise here \(RM10/day \)](#)

[CARI Diy Day Banner](#)

<http://www.ispec2u.com/>



Admax supports Eco-Living

Click here for 10 easy things you can do today to go green!

